

Analisis Pengaplikasian Pendekatan Pengurusan Dan Teori Semiotik Dalam Novel *Kemelut* Karya Shahnnon Ahmad

*A Semiotic and Management Approach Analysis of the Novel *Kemelut* by Shahnnon Ahmad*

Mohd. Taha Abd. Wahab, Azhar Wahid*, Rahmanyasin Jaafar

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author email: azhar@fbk.upsi.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 19 January 2026

Revised: 2 April 2026

Accepted: 25 May 2026

Published: 1 June 2026

KATA KUNCI

Naratif

Pendekatan Pengurusan

Sosiobudaya

Teknologi

Teori Semiotik

Pendidikan Berkualiti

DOI:

<https://doi.org/10.37134/mrj.vol15.1.6.2026>

ABSTRAK - Kesusasteraan Melayu ialah amalan sebuah peradaban yang menjadi tempat alirannya jiwa dan naluri bangsa, tempat tilikan wajah dan keperibadian yang juga memberi erti makna dan nyawa nilai masyarakat. Novel acapkali dijadikan cerminan masyarakat, maka pantas kiranya novel itu dijadikan platform bagi pengarang untuk memberikan pandangan, pendapat, kritikan mahupun sindiran mengenai perkara yang dilihat kurang menepati peradaban Melayu itu sendiri. Naratif mengenai kepincangan pengurusan teknologi telah digarap oleh Shahnnon Ahmad dalam novel *Kemelut*. Kritikan yang ditonjolkan diharapkan mampu untuk membuka mata setiap lapisan masyarakat agar lebih prihatin dan berhati-hati dalam retorik kemajuan dan kemodenan yang dibawa oleh teknologi. Kritikan dalam novel *Kemelut* ini jelas menunjukkan ketidakprihatinan pengurusan teknologi akan menyebabkan kegagalan dalam membendung impak negatif teknologi dalam realiti kehidupan. Novel *Kemelut* telah dikaji dengan kaedah kualitatif naratif teknologi yang dikenalpasti dengan pengaplikasian pendekatan pengurusan dan teori semiotik. Penggunaan teori semiotik telah mendedahkan tema utama novel *Kemelut* yang berasaskan teknologi. Seterusnya, pendekatan pengurusan dengan semua prinsip perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan diperkenalkan. Maka, objektif analisis yang dijalankan berjaya mengenal pasti naratif teknologi melalui terapan semiotik dan prinsip-prinsip pendekatan pengurusan yang telah digarap oleh Shahnnon Ahmad.

ABSTRACT - Malay literature is a cultural practice of a civilisation that serves as a channel for a nation's soul and instincts, reflecting its identity, personality, values, and social meaning. As novels are often regarded as mirrors of society, they provide an appropriate platform for authors to express views, opinions, criticisms, and satire regarding issues that deviate from the principles of Malay civilisation. The narrative of weaknesses in technology management is portrayed by Shahnnon Ahmad in the novel *Kemelut*. The criticism presented in the novel is intended to raise public awareness and encourage society to be more cautious and attentive to the rhetoric of progress and modernisation driven by technology. The critique in *Kemelut* clearly demonstrates that negligence in technology management may lead to failures to mitigate the negative impacts of technology in real-life situations. This study examines *Kemelut* using a qualitative approach that focuses on technology narratives, drawing on management and semiotic theories. The use of semiotic theory reveals the novel's central themes related to technology. Furthermore, the management approach incorporates the

principles of planning, organising, leadership, staffing, and controlling. The analysis successfully identifies the technology narratives embedded in the novel through semiotic interpretation and the application of management principles as crafted by Shahnnon Ahmad. The findings highlight the author's critical perspective on technology management and its implications for society, emphasizing the importance of responsible technological development and governance in preserving social well-being.

PENGENALAN

Kehadiran teknologi memungkinkan peranan dan fungsi kerja dapat dihasilkan dengan lebih sempurna dan cepat. Seiring masa, teknologi sedia ada diubahsuai mampu dikemaskini untuk tujuan keselesaan dan penggunaan yang lebih cekap dan canggih bagi memenuhi kehendak penggunanya. Hal ini bermakna hampir keseluruhan hidup manusia masa kini keterbergantungan kepada teknologi dari setiap aspek kehidupan.

Namun begitu, kemajuan teknologi tidak hanya memberi kemudahan kehidupan tetapi ianya juga membawa pelbagai cabaran dan kesan. Konflik mengenai keselamatan, data privasi pengguna, kesan alam sekitar, kesan sosial sering menjadi tajuk perbincangan. Malahan dalam karya-karya novel juga pengkarya kerap mengutarakan konflik-konflik ini. Melalui karya sastera, pengkarya akan menggambarkan bagaimana watak dan perwatakan digarap untuk menimbulkan konflik dan selanjutnya memberi solusi kepada konflik yang ditimbulkan. Hal ini bukan saja memerlukan cara yang sesuai untuk ditangani tetapi pengkarya sedar atau tidak telah mengaplikasikan kaedah pendekatan pengurusan.

Maka, pengurusan mengenai tema utama novel *Kemelut* adalah berkisar kepada pengurusan teknologi. Pengurusan teknologi dalam novel oleh Shahnnon Ahmad ini bukan saja melibatkan prinsip pengurusan yang khusus, tetapi bagaimana elemen teknologi diperkenalkan dalam karya dan naratif bagaimana teknologi itu mempengaruhi kehidupan dalam cerita yang dibentangkan. Pengenalpastian tema teknologi dalam novel *Kemelut* ini dibantu dengan pengadaptasian teori semiotik Roland Barthes. Dengan teori semiotik ini yang menggunakan tanda, simbol dan penggambaran plot telah mengangkat novel ini sebagai membicarakan tema teknologi yang membawa kepada gambaran kemajuan dan kemodenan. Lantaran itu, pengkarya dengan kebijakannya mencetuskan pengelutan moral atau krisis dalam novel untuk memberi isyarat atau amaran bahawa teknologi selain membawa kepada keselesaan hidup, juga membawa cabaran mengenai perubahan kepada soal kecekapan, keadilan, tanggungjawab dan keseimbangan dalam penggunaan teknologi itu sendiri.

Jelas, bahawa naratif novel *Kemelut* ini juga menyoroti persoalan penting tentang bagaimana manusia perlu kepada pengurusan teknologi untuk mengelakkan kesan buruk seperti ketidakseimbangan sosial, kemerosotan nilai tradisional atau kehilangan identiti dan mampu memastikan kelestarian alam sekitar yang bakal kita wariskan kepada generasi akan datang. Oleh itu, pengurusan teknologi memerlukan satu pendekatan baru terutama dalam kesusasteraan yang mana pendekatan yang dipelopori oleh Professor Mohamad Mokhtar Abu Hassan telah diadaptasikan. Pendekatan pengurusan yang diperkenalkan meliputi sempadan dan disiplin yang berbagai dan amat sesuai dalam bidang kritikan prosa lama atau pun moden.

Pendekatan ini menawarkan lima prinsip utama iaitu prinsip-prinsip perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan. Kelima-lima prinsip ini akan diperkenalkan bagi menganalisis struktur teks novel *Kemelut* ini yang meliputi watak, perwatakan, nilai, isu, persoalan, latar dan juga pemikiran yang dibawa oleh Shahnnon Ahmad dalam novel *Kemelut* beliau. Maka oleh itu, analisis yang akan dijalankan ini berpaksi kepada dua perkara pokok iaitu, bagaimana naratif teknologi dikenalpasti dalam novel melalui teori semiotik dan bagaimana pendekatan pengurusan diaplikasikan.

1.1 Sorotan Kajian Lepas

Sorotan kajian lepas bertujuan untuk meninjau sejauh mana kajian terdahulu dihasilkan berkaitan dengan tajuk kajian yang sedang dijalankan. Dalam menyoroti kajian lepas terdapat jurang kajian atau kelompondangan kajian yang menganalisis gabungan pendekatan pengurusan dan teori semiotik Bathes, dalam novel-novel Shahnnon Ahmad.

Tinjauan Literatur Mengenai Pengurusan Kesusasteraan Melayu

- a) **Tajuk Kajian:** *Pengurusan Kepimpinan Dalam Karya Terpilih Anwar Ridhwan*
Pengkaji: Rahmanyasin Jaafar
Tahun: 2025
Dapatan: Penggunaan prinsip kepimpinan dalam novel Anwar Ridhwan.
- b) **Tajuk Kajian:** *Pengurusan Organisasi Dalam Karya Prosa Melayu Terpilih A.Samad Said Berdasarkan Teori Sosiologi*
Pengkaji: Nurul Aini Zainal Abidin, Azhar Wahid
Tahun: 2025
Dapatan: Pengaplikasian pendekatan pengurusan khusus mengenai prinsip pengorganisasian.
- c) **Tajuk Kajian:** *Perancangan Bestari Dalam Hikayat Khoja Maimum: Aplikasi Prinsip Perancangan Dalam Pendekatan Pengurusan*
Pengkaji: Sara Beden
Tahun: 2018
Dapatan:
- Prinsip Perancangan
 - Empat peristiwa yang telah diklasifikasikan dalam hikayat tersebut.
 - Analisis pembentukan strategi penyelesaian masalah yang bervariasi oleh watak Bayan mengatasi masalah atau isu moral berhubung dengan pelanggaran moral dan etika oleh watak Bibi Zainab.
 - Strategi digunakan ialah pujian dan sokongan teknik analogi peribadi bercerita atau berhikayat pertanyaan membuat kritikan dan sokongan menarik perhatian dan memberikan nasihat.

Tinjauan Literatur Mengenai Pengurusan Teknologi

- a) **Tajuk Kajian:** *Penggunaan Teknologi Digital Dalam Kalangan Usahawan Luar Bandar Dalam Era Pandemik Covid-19*
Pengkaji: Aida Idris, Nur Jannah
Tahun: 2023
Dapatan:
- Meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan penggunaan teknologi digital dalam kalangan usahawan luar bandar di Malaysia.
 - Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu data dikumpul melalui temubual bersama 30 orang dari lima sektor perniagaan.
 - Kajian ini menggunakan transkrip temubual sebagai penganalisan dengan pengaplikasi analisis tematik.
 - Kajian ini mendapati golongan usahawan luar bandar dapat memanfaatkan penggunaan teknologi digital bagi meningkatkan keuntungan perniagaan dan menggunakannya untuk bersaing dalam persekitaran ekonomi digital selain membantu agensi kerajaan untuk menyediakan bantuan yang berbentuk latihan dan infrastruktur yang bersesuaian dengan keperluan usahawan.
 - Kajian ini memberikan satu manfaat yang positif terhadap golongan masyarakat pada masa akan datang.
- b) **Tajuk Kajian:** *Pengaruh Inovasi Teknologi, Peranan Pentadbir Dan Kesiediaan Guru Terhadap Profesionalisme Keguruan Sekolah Luar bandar di Sabah*
Pengkaji: Mulyati Timbang & Abdul Said Ambotang
Tahun: 2020
Dapatan:
- Kajian ini melihat hubungan inovasi teknologi, peranan pentadbir dan kesiediaan guru terhadap peningkatan profesionalisme keguruan khususnya sekolah luar bandar di Sabah.
 - Kajian ini memfokuskan kepada rekabentuk teknologi, peranan pentadbir dan kesiediaan guru di sekolah.

- Teori yang diaplikasikan menerusi kajian ini ialah Teori Penyebaran Inovasi, Teori TMK dan Kelestarian Tugas, Teori Pembelajaran Sosial, Teori Maslow serta model Penggunaan Teknologi sebagai pengukuhan kajian ini.
- Kajian ini secara deskriptif jenis tinjauan dengan menggunakan sample kajian sebanyak 372 orang guru yang bertugas di sekolah luar bandar di negeri Sabah.
- Kajian ini menjadi rujukan sekunder kepada pengkaji untuk menelaah lagi pemaknaan penggunaan penggunaan teknologi dan membuat perkaitan dengan lebih kritis.

Tinjauan Literatur Karya Shahnnon Ahmad

- a) **Tajuk Kajian:** *Bahasa Dan Pemikiran Shahnnon Ahmad Dalam Pembinaan Jati Diri Melalui Kumpulan Cerpen: Tonil Purbawara*
Pengkaji: Mohd Izzat Izzudin Jafri
Tahun: 2020
Dapatan:
- Kajian ini membincangkan mengenai bahasa dan pemikiran Shahnnon Ahmad dalam pembinaan jati diri Melayu yang terdapat dalam cerpen terpilih.
 - Jati diri Melayu.
 - Empat aspek bahasa dan pemikiran Shahnnon Ahmad terhadap pembinaan jati diri Melayu iaitu Jati Diri Islam, Jati Diri Nilai Melayu, Jati Diri Beradab dan Kebudayaan Melayu serta Jati Diri Pendidikan dan Berilmu.
- b) **Tajuk Kajian:** *Permasalahan Sosial dan Agama Dalam Novel Terpilih Najib Mahfiz dan Shahnnon Ahmad*
Pengkaji: Ahmad et al
Tahun: 2018
Dapatan:
- Kajian ini meneliti masalah yang diketengahkan oleh Najib Mahfiz dan Shahnnon Ahmad saling berkaitan dengan soal-soal keagamaan terhadap karya kreatif.
 - Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada dua aspek iaitu aspek berkaitan pemikiran yakni sama ada merangkumi akidah dan kepercayaan aspek yang kedua ianya berbentuk fizikal iaitu meliputi amalan hidup mahupun cara hidup seseorang.
 - Membincangkan isu berkaitan dengan agama Islam berbanding Najib Mahfiz.

Tinjauan Literatur Berkaitan Aplikasi Teori Semiotik

- a) **Tajuk Kajian:** *Mitologi Sosioekonomi Masyarakat Melayu Dalam Karya Terpilih Keris Mas*
Pengkaji: Abdul Wahab bin Hj. Alias
Tahun: 2025
Dapatan:
- Pengaplikasian pendekatan mitologi Bathes secara berstruktur.
 - Mengenalpasti tanda dan menemukan makna dalam teks.
 - Kaitan dengan punca permasalahan sosioekonomi Masyarakat Melayu dan penyelesaiannya.
- b) **Tajuk Kajian:** *Analisis Semiotika Roland Barthes Pada Pemaknaan Syi'ir Jawa Di Desa Pungging Kabupaten Mojokerto Dan Nilai Pendidikan Karakter*
Pengkaji: Lil Fauzan Ali Mustofa & Engkin Suwandana, M. PD & Syamsun
Tahun: 2020
Dapatan:
- Kajian pemaknaan Semiotik meliputi makna Denotasi dan Konotasi di samping melihat aspek pendidikan secara lebih menyeluruh.
 - Kajian ini menemukan makna yang terkandung dalam bait Syi'ir Jawa seperti kod Hermeneutik, kod simbolik dan nilai pendidikan.
 - Kajian ini menegaskan pentingnya pendidikan bagi membangun individu yang lebih berdisiplin dan berwawasan.

1.2 Pengurusan Teknologi

Kajian mengenai pendekatan pengurusan dalam penganalisan karya sastera dapat menyedarkan khalayak akan peri pentingnya pengurusan dalam kehidupan manusia agar lebih tersusun dan berfungsi sebagai sebuah masyarakat yang disegani. Kepentingan ini kerap diambil peluang oleh pengkarya atau pengarang dalam menjadikan ianya suatu medan atau platform untuk menyampaikan pesanan kepada masyarakat secara berhemah. Sementelahan itu, Shahnnon Ahmad yang terkenal dengan gaya penulisan yang kritikal dan sinis telah menghasilkan karya-karya yang sarat dengan mesej. Salah satu karya beliau ialah novel *Kemelut* yang memuatkan naratif kesan teknologi dan kemajuan yang tidak terurus secara beretika.

Maka, objektif kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu pertama ialah mengenalpasti naratif teknologi dalam novel *Kemelut* dengan menganalisa tanda, simbol atau penggambaran yang menunjukkan bahawa tema novel adalah berkaitan dengan teknologi. Seterusnya analisis dengan menggunakan pendekatan pengurusan akan digunakan bagi menunjukkan bahawa pengurusan wujud dalam prosa-prosa atau novel-novel kesusasteraan Melayu. Melalui pengaplikasian prinsip-prinsip pengurusan, analisis dapatan akan dilaksanakan agar dapat ditonjolkan yang perkembangan teknologi haruslah seiring atau sehaluan dengan nilai-nilai kemanusiaan dan budaya termasuk juga bagaimana dominasi teknologi yang seharusnya mempermudah kehidupan harian manusia dan terhadap pemikiran dan jati diri bangsa Melayu itu sendiri.

Maka, kajian ini akan mengkhususkan penelitian teknologi melalui kerangka teori semiotik bagi memecahkan persoalan mengenai kehadiran teknologi dalam kehidupan manusia dalam novel *Kemelut* dan seterusnya membuka ruang dengan pengetahuan pengurusan, menjadi lebih teliti, dinamik, kreatif dan kritis dalam menggunakan teknologi. Lantaran itu, pendekatan pengurusan perlu dipraktikkan agar sesuatu teknologi itu dapat dikecapi sepenuhnya.

Analisis kajian ini nanti dapat menunjukkan bahawa pendekatan pengurusan adalah merupakan suatu metode baru dalam dunia kritikan sastera kerana ianya sesuai dan meliputi setiap sempadan disiplin. Sebenarnya pengurusan sastera bukanlah satu perkara yang asing dalam dunia kritikan sastera kerana setiap sastera itu bersifat meluas dan subjektif. Justeru itu, masyarakat tidak seharusnya memandangi karya-karya seperti novel *Kemelut* kerana tidak dinafikan yang sastera melalui perkarangan novel mengandungi peristiwa yang diadaptasikan daripada realiti kehidupan.

1.3 Definisi dan Konsep Pendekatan Pengurusan

Ilmu pengurusan adalah asas ilmu yang menjadi tunjang kepada pendekatan pengurusan dalam kritikan kesusasteraan. Secara amnya, pengurusan adalah satu proses aktiviti yang merangkumi elemen perancangan, pengarahan dan kawalan (Juhary Hj Ali dan Ismail: 2004). Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa pengurusan adalah satu proses yang dijalankan bagi menentukan matlamat, mencapai objektif dan sasaran sesebuah kumpulan. Manakala, proses pula boleh diertikan sebagai satu cara yang sistematik dalam melaksanakan sesuatu tugas. Berdasarkan pemahaman di atas, maka Professor Mohamad Mokhtar telah merangka dan mengetengahkan lima prinsip pengurusan iaitu prinsip perancangan, prinsip kepimpinan, prinsip pengorganisasian, prinsip penstafan dan prinsip kawalan. Kesemua prinsip ini diterapkan bagi menganalisis struktur teks novel *Kemelut* bagi memahami pemikiran yang cuba diterangkan oleh Shahnnon Ahmad dalam novel tersebut.

a) Prinsip Perancangan

Sesebuah organisasi haruslah membuat perancangan yang rapi bagi memastikan hala tuju yang jelas bagi mencapai matlamat yang telah ditentukan. Kebaikan dengan adanya perancangan, segala kelemahan atau ketidakserasian langkah selanjutnya yang diambil dapat diselaraskan seawal mungkin. Antara langkah-langkah yang telah dikemukakan oleh Professor Mohamad Mokhtar adalah terdiri daripada enam urutan langkah iaitu; menetapkan matlamat, merangka strategi, melihat pilihan alternatif langkah yang patut diambil, menilai pilihan-pilihan langkah yang ada, memilih langkah atau cara yang paling efektif bersesuaian dengan kapasiti dan kebolehan organisasi itu sendiri dan membuat kajian atau refleksi tentang keberkesanan langkah yang diambil.

b) Prinsip Pengorganisasian

Dalam prinsip pengorganisasian, haruslah wujud seseorang atau watak dalam novel yang digelar sebagai pengurus. Tugas utamanya adalah mengorganisasikan atau mengatur segala sumber

atau modal insan yang ada, sumber fizikal dan fungsi-fungsi berkaitan bagi memastikan tiada tindihan kerja kerana peranan serta tugas telah dijelaskan kepada setiap ahli dalam organisasi tersebut. Terdapat empat kegiatan utama dalam proses pengorganisasian oleh Professor Mohamad Mokhtar iaitu; menentukan kerja, mengumpulkan kerja, membahagikan kerja dan menyelaraskan kerja.

c) Prinsip Kepimpinan

Kepimpinan merupakan satu proses mempengaruhi ahli organisasi dalam melaksanakan kerja dengan kerelaan hati bagi sama-sama mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Namun terdapat tiga gaya kepimpinan iaitu gaya pemimpin autokratik, gaya pemimpin demokratik dan gaya pemimpin laissez-faire. Kejayaan pemimpin banyak bergantung kepada sifat pemimpin itu sendiri. Pemimpin hendaklah mempunyai ciri-ciri kebijaksanaan, berpengetahuan, bertanggungjawab, bergaul dengan setiap lapisan ahli berstatus tinggi sosioekonominya dan berkeyakinan.

d) Prinsip Penstafan atau Tenaga Kerja

Untuk memastikan keberkesanan tenaga kerja yang digembeling, prinsip penstafan perlu dipraktikkan. Penstafan bertujuan untuk memastikan tenaga kerja yang sesuai dan menepati kehendak kerja tersebut berasaskan kemahiran, pengetahuan dan keupayaan bagi mencapai matlamat organisasi.

e) Prinsip Kawalan

Kawalan pula adalah satu proses untuk menentukan dan mengukur sesuatu usaha itu memenuhi dan terarah kepada mencapai matlamat yang ditentukan. Dalam novel *Kemelut* ini, apabila watak-watak berhadapan dengan masalah atau konflik dalam teks, maka tindakan pemulihan perlu dijalankan bagi penyelesaian secara tuntas dan matlamat yang telah dirancang tercapai sepenuhnya.

1.4 Teori Semiotik Barthes

Novel adalah sebuah karya yang bermediakan bahasa dan umumnya, sesebuah karya sastera memiliki bahasa yang sangat berbeza dengan bahasa yang lazim digunakan dan percakapan seharian mahupun bahasa yang digunakan dalam karya ilmiah. Malahan bahasa sastera banyak yang berbentuk metafora dan simbolisma kerana inilah menunjukkan tahap kreativiti pengarang untuk mengengahkan pandangan, pendapat atau kritikan bagi menjentik minda pembaca dalam menginterpretasikan hasrat pengarang. Jadi teknik yang lazim digunakan adalah dengan bahasa yang sarat dengan tanda dan penanda. Maka sebuah teori yang bersesuaian dalam memahami benak fikiran pengarang adalah teori semiotik Roland Barthes.

Teori semiotik adalah sebuah ilmu menggunakan sistem tanda dan tanda ini dikenalpasti dalam bentuk teks sama ada terdapat dalam struktur teks itu sendiri mahupun di luar struktur teks kerana ianya mempunyai interpretasi yang luas dan bergantung kepada pembaca menilai teks karya yang dikaji dan dianalisis. Dalam teori semiotik Barthes, terdapat dua cabang makna yakni denotatif dan konotatif.

Denotatif adalah aspek makna yang nyata, manakala konotatif pula mempunyai makna atau penanda terbuka atau berlapis. Tanda-tanda ini adalah sesuatu yang berasaskan kebiasaan penerimaan sosial yang telah terwujud dan dianggap sebagai mewakili atau melambangkan sesuatu yang lain. Dengan kata lain, tanda-tanda ini juga adalah sangat unik kepada sesuatu kumpulan atau masyarakat. Disebabkan kerana keterbukaan makna maka teori semiotik sesuai dalam kajian ini yang menganalisis teks bagi mengetahui hasrat pengarang sebenarnya kerana pengarang mempunyai fokus kepada sesuatu isu atau perkara yang ingin dibincangkan dalam suatu kumpulan atau masyarakat tertentu.

Hasil dapatan dari penyelidikan semiotik dalam novel *Kemelut*, boleh diringkaskan dalam perenggan berikut;

- i) Penanda (signifier) adalah ada kaitannya dengan persekitaran dan ketenangan sungai serta alam sekitar yang masih bersih dan tidak tercemar dari pembangunan kilang-kilang.

- ii) Petanda (signified) pula menunjukkan pergolakan dan konflik masyarakat nelayan setempat dengan disimbolkan sebagai perbezaan antara kehidupan traditional masyarakat nelayan dengan kemajuan yang diwakili oleh pembinaan kilang-kilang pembuatan.
- iii) Denotatif atau tanda ini dizahirkan dengan watak-watak yang membicarakan masalah pencemaran yang mereka hadapi tapi tanpa pembelaan yang sepatutnya.
- iv) Konotatif pula adalah makna tersirat yang membawa simbol konflik sosial, perubahan budaya dan pergelutan antara cara hidup tradisi dan kemajuan yang membawa bahana kemerosotan kualiti alam sekitar. Kesan negatif kemajuan teknologi telah menghakis nilai moral dan menimbulkan konflik identiti masyarakat setempat dan dalam novel ini adalah masyarakat nelayan.
- v) Kesan teknologi terhadap konflik yang ditonjolkan dalam novel *Kemelut* adalah bagaimana kemajuan yang hendak dicapai dengan membina kilang-kilang pembuatan perlu kepada pengurusan yang bijak dan bertanggungjawab bagi memastikan teknologi boleh memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat tanpa menjejaskan nilai-nilai kemanusiaan dan moral serta prihatin kepada kelestarian alam sekitar yang akan diwarisi oleh generasi akan datang.

1.5 Intisari Novel *Kemelut*

Shahnon Ahmad telah mengarang sebuah novel bertajuk *Kemelut* pada tahun 1977. Novel tersebut mengisahkan kehidupan keluarga nelayan di sebuah perkampungan di utara negara. Novel ini disusun dalam tiga peringkat pengarangannya iaitu peringkat pertama adalah pengenalan kepada sebuah kampung nelayan di Kampung Indah Permai. Kehidupan di kampung nelayan tersebut sangat harmonis dengan setiap keluarga dikenali dalam masyarakat setempat. Mereka hidup sebagai nelayan sejak turun temurun sehingga kehidupan mereka senantiasa disyukuri dengan rezeki yang tidak putus-putus kerana keadaan sungai dan laut yang banyak membekalkan hasil tangkapan yang lumayan. Latar tempat dalam naratif *Kemelut* ini adalah di Kuala Juru, Pulau Pinang.

Ditengah-tengah keterbiasaan hidup yang harmonis, pengarang telah menyuntik konflik dalam masyarakat nelayan tersebut dengan terbinanya kilang-kilang pembuatan di sebelah seberang. Di peringkat inilah suasana harmonis adalah mimpi lepas yang sekarang diselubungi dengan kesesakan pencemaran. Dengan adanya kilang-kilang pembuatan tersebut yang tidak dipantau dan dikawal telah melepaskan hasil kumbahan terus ke dalam sungai dan air sungai yang dulunya bersih dan jernih sekarang telah tercemar dengan sisa-sisa kilang yang beracun.

Keadaan ini dikesan apabila masyarakat setempat tidak lagi beroleh hasil tangkapan di muara dan di dalam sungai. Sampai ke satu tahap yang mana ikan yang ditangkap juga telah tercemar dan menyebabkan kematian kucing kesayangan Rokiah bernama Pokpok. Keadaan alam sekitar di sekeliling kilang-kilang tersebut sekarang telah menjadi padang jarak padang terkukur. Lebih menyayatkan hati apabila pencemaran yang berlaku telah membunuh bukan sahaja binatang dan tumbuhan tetapi manusia. Pak Osman dan Mak Milah telah kehilangan anak tunggal lelaki mereka bernama Kipli. Kehilangan ini telah menjadi titik permulaan kemuncak konflik yang mana kesemua penduduk Kampung Indah Permai telah risau kerana punca rezeki utama mereka dari penangkapan ikan telah terbantut kerana kerakusan dan sikap tidak bertanggungjawab penguasa dan pengusaha kilang dalam merangkul keuntungan atas nama kemajuan.

Peringkat seterusnya pengarang telah membawa pembaca ke tahap solusi atau cara untuk menyelesaikan kemelut penduduk kampung. Beberapa penduduk kampung yang diketuai oleh Pak Mat telah berbincang untuk bertemu dengan pihak atasan. Beberapa penduduk termasuk Pak Isa, Pak Osman dan Tobeng telah sanggup berdayung sampan ke Bukit Mertajam untuk berjumpa pegawai daerah di situ. Mereka juga dengan berbekalkan sampel air tercemar dari sungai dan telah bersusah payah ke pejabat pegawai daerah tersebut. Sampel air yang tercemar itu akan dijadikan bukti tahap pencemaran yang berlaku.

Namun, perjumpaan itu sia-sia sahaja kerana janji dari pegawai daerah untuk menyasat perkara pencemaran ini hanya tinggal janji sahaja. Tiada usaha atau inisiatif dari pihak pejabat daerah

diteruskan setelah lebih tiga bulan berlalu dan keadaan pencemaran semakin buruk dan teruk. Sekali lagi, Pak Mat, Pak Isa, Pak Osman dan Tobeng berbincang bagi pihak seluruh kampung untuk meminta pertolongan dari pihak Ketua Menteri untuk membantu mereka. Namun, perkara ini tidak juga berhasil. Malahan penduduk kampung ini telah dimomokkan pula dengan cadangan mereka berubah cara mencari rezeki dari nelayan kepada menjadi petani. Ini dilihat sebagai satu penghinaan pada penderitaan penduduk kampung yang secara tradisi telah menjadi nelayan sejak turun temurun.

METODOLOGI

Analisis yang diperlakukan adalah analisis atau kajian secara kualitatif. Ianya juga menganalisis teks yang mana mengumpul, menganalisis dan menginterpretasi teks dengan memahami makna, perbuatan, nilai dan sebagainya bagi mencapai suatu kesimpulan yang memberi petunjuk bahawa pendekatan pengurusan telah digunapakai. Selain daripada pendekatan pengurusan oleh Professor Mokhtar, teori semiotik oleh Roland Barthes juga telah digunakan dengan tujuan menemukan makna atau tanda yang dapat merungkai naratif mengenai teknologi dan dengan itu kedua-dua pendekatan dan teori ini digunakan atau dianalisis akan dapatannya untuk menilai impak kepada kehidupan masyarakat Melayu khususnya dalam novel *Kemelut*.

DAPATAN KAJIAN

Terapan teori semiotik telah dibincangkan dalam perenggan sebelum ini yang mana pengenalanpastian novel *Kemelut* adalah bernaratifkan teknologi, maka bahagian pendekatan pengurusan akan ditelusuri seperti berikut;

3.1 Prinsip Perancangan

Dalam mengenalpasti terdapatnya prinsip perancangan dalam novel *Kemelut*, beberapa ciri utama akan dianalisis. Ciri-ciri yang dimaksudkan adalah berdasarkan watak atau dialog yang menunjukkan adanya penetapan matlamat yang jelas dan diikuti dengan strategi yang disusun untuk mencapai matlamat tersebut. Bersandarkan watak serta hasrat Mak Timah untuk menjodohkan anaknya Ramli dengan Aminah, merupakan salah satu ciri dan prinsip perancangan. Terdapat matlamat yang jelas iaitu meminang Aminah untuk Ramli.

Seterusnya strategi telah disusun dengan menggambarkan perkara-perkara susulan yang perlu disediakan sebelum pernikahan berlaku iaitu dimulakan dengan langkah merisik, bertunang dan bernikah. Serentak dengan itu, persiapan kewangan, tempat tinggal dan sebagainya perlu dibuat.

Petikan-petikan di bawah ini menunjukkan matlamat yang jelas dan strategi yang diatur untuk mencapai matlamat tersebut;

Dia berkenan pada budak Minah anak Pak Isa itu. Budak itu cantik juga. Pandai dayung, pandai masak. Lagipun Pak Isa dan Mak Milah itu senang buat kira bicara. Tak banyak cakap. "Bila agak-agak?" Soal Pak Mat sambil melihat ke arah tanah seberang. Rangka-rangka bumbung hampir semua terpasang. Dan sudah ada yang sudah dipasang bumbungnya sekali. "Kita ikat dulu. Wang tu dah ada. Kemudian nak jumpa kita tangguhlah lama sikit. Biar ada sikit lagi duit kita. Belanja pun banyak juga. Nak baiki sikit pondok ini. Nak sambung sikit bilik tu. Kena buat bilik satu lagi. Kenduri pun kena ingat sama. Lagi pun tilam bantal baru kena beli lain. Ingat boleh dapat duit tu dalam lapan sembilan bulan?" Soal Mak Timah yang sendiri yakin kalau begini keadaan setiap hari.

(Novel *Kemelut*, 1977: 30)

*"Apa kau nak suruh kami masuk minta Aminah sekarang?"
Ramli nampak terkejut, tapi tidak berkata apa-apa.
"Kalau dah berhajat, kami boleh minta Ngah dua suami isteri meninjau dulu. Kalau riak baik, baru kita susul dengan tanda. Apa kau ada duit?"*

(Novel *Kemelut*, 1977: 30)

3.2 Prinsip Pengorganisasian

Ciri-ciri yang perlu apabila membincangkan prinsip pengorganisasian adalah kerjasama dengan peranan dan tugas yang jelas dimainkan oleh ahli-ahli organisasi. Dalam novel *Kemelut* ini, ahli keluarga Pak Mat menunjukkan nilai tanggungjawab dengan memainkan peranan masing-masing dalam keluarga. Dengan ini, keluarga tersebut telah berfungsi dengan lebih efisien dalam memastikan matlamat iaitu semua keperluan keluarga dapat dipenuhi.

Rokiah dan Faridah berjalan pulang mengusung ikan-ikan yang hendak disimpan. Ramli mengikuti mereka dengan langkah yang panjang-panjang. Pak Mat bersila kukuh menghadapi hidangan di depan-nya. Perlahan-lahan nasi disuap masuk mulut. Dan nasi itu sering diringi dengan ucapan bismillah. Dia bersyukur kepada Tuhan kerana memurahkan rezeki mereka selama ini malah seluruh penduduk Kampung Indah Permai. Laut yang terbentang luas bermula dari kuala itu telah banyak memberi sumbangan untuk mereka meneruskan hidup sekeluarga.

(Novel *Kemelut*, 1997: 56)

3.3 Prinsip Kepimpinan

Kepimpinan jenis *laissez-faire* telah ditonjolkan di mana perbincangan antara penduduk untuk menyuarakan cara atau jalan terbaik untuk menyelesaikan kemelut yang sedang mereka hadapi.

"Kita kena jumpa orang atas lagi." Tobeng terus memberitahu.

"D.O. lagi?" Soal Pak Osman.

"Tapi D.O. tak berbuat apa-apa. Dah pun masuk tiga bulan kita tunggu. Kilang bedebah itu memancut air juga ke dalam sungai. Nak mudik sekarang pun puas dayung."

(Novel *Kemelut*, 1977: 110-111)

"Kita cuba jumpa yang atas lagilah. Besok kita berempat kena menyeberang naik feri. Kita cuba cari jalan jumpa Ketua Menteri."

(Novel *Kemelut*, 1977: 111)

3.4 Prinsip Penstafan

Prinsip penstafan memfokus kepada keperluan tenaga kerja yang sesuai dengan kelayakan dan kemahiran yang diperlukan. Perkara ini lazimnya menuntut kerjasama setiap individu untuk melunaskan kemahiran masing-masing. Dalam novel *Kemelut*, prinsip ini jelas ditonjolkan dan pengurusan pengebumian anak Pak Osman dan Mak Leha bernama Kipli. Dalam perwatakan dan penggambaran latar cerita telah menunjukkan kerjasama dari setiap kawan-kawan Kipli dan anak muda sekampung dalam menzahirkan kepandaian, kebolehan dan kemahiran masing-masing menjalankan tugas pengebumian dari awal sehingga selesai.

Dari petikan di bawah, jelas menunjukkan ciri-ciri utama prinsip penstafan, iaitu memenuhi keperluan tenaga kerja dengan kelayakan atau kemahiran yang sesuai. Ciri-ciri ini ditonjolkan apabila ibu bapa Kipli tidak perlu berbuat apa-apa mahupun memberi sebarang perintah kepada kawan-kawan Kipli dan penduduk kampung dalam menguruskan jenazah Kipli. Ini adalah kerana kesemua kemahiran yang diperlukan dalam urusan jenazah dilaksanakan dengan baik, termasuklah "baik papannya, kainnya, sedekahnya, sembahyangnya, mandinya, usungnya dan lain-lain". Bait dari petikan ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran mereka menguruskan jenazah.

Seperti biasa, pengkebumian anak sulung sebatang kara Pak Husin dan Mak Leha selesai jam satu tengahari. Pak Husin dan Mak Leha tidak berbuat apa-apa, tidak memberi perintah apa-apa. Segalanya diuruskan oleh seluruh anggota Kampung Indah Permai. Baik papannya, kainnya, sedekahnya, sembahyangnya, mandinya, usungnya dan lain-lain. Namun, Pak Razali dan Kudin sibuk ke sana sini mengurus sesuatu. Dan Ramli serta kawan-kawan yang sebaya dengan arwah Kipli lambat disuruh saja. Pak Mat hanya duduk bersila berdekatan dengan mayat berjabat salam dengan siapa yang datang menziarah. Sudah dia tetapkan jam sebelas hendak membawa turun mayat ke madrasah dan kemudian terus ke kubur. Sibuknya setiap orang di Kampung Indah Permai pagi itu.

(Novel *Kemelut*, 1977, 116)

3.5 Prinsip Kawalan

Asas prinsip kawalan adalah perbandingan dua keadaan sebelum dan selepas adakah mengikut piawaian atau sebaliknya. Prinsip kawalan yang digunakan dalam novel *Kemelut* adalah berdasarkan

keadaan yang terjadi akibat daripada pembinaan dan pengurusan kilang yang tidak dipantau sehingga berlakunya pencemaran.

Petikan di bawah menunjukkan dua keadaan yang dibandingkan iaitu sebelum dan selepas pembinaan kilang-kilang di kampung tersebut, di mana jika sebelum berlakunya pencemaran, penangkapan ikan dapat dilakukan berhampiran pantai sahaja. Malahan hasilnya juga lumayan, tetapi apabila pencemaran berlaku, para nelayan di situ terpaksa pergi jauh ke laut untuk mencari rezeki. Selain daripada itu, petikan selanjutnya jelas menunjukkan bahawa keadaan pencemaran telah menjadi terlalu kritikal dan sensitif sehingga para nelayan bergelut untuk kelangsungan hidup. Ini jelas menunjukkan kegagalan kawalan dari berbagai pihak mengenai masalah pencemaran ini.

Mereka tidak pernah menangkap jauh; paling jauh tiga suku batu dari pantai. Itu pun paling jauh. Biasanya setengah batu. Dan kerapnya berlengkap di pintu kuala ini saja. Jenuhnya ikan di pintu kuala berbagai macam. Senangin. Kerapu. Sumpit. Puput. Loban. Talang. Tiruk. Jenahar. Bagok, Goh. Jangis dan berbagai lagi.

(Novel *Kemelut*, 1977: 12)

“This is very sensitive issue. Concerning pollution and the battle for survival by Kampung Indah Permai. Can you please fix a date with our MP.”

(Novel *Kemelut*, 1977: 92)

3.6 Pengintegrasian Teori

Dapatan daripada kajian ini jelas menunjukkan bahawa keberkesanan gabungan dan integrasi antara teori semiotik dan pendekatan pengurusan. Jadual di bawah menunjukkan bagaimana pengintegrasian antara keduanya diharmonikan sehingga jelas menunjukkan bahawa teknologi bukanlah punca utama masalah sosial tetapi sebaliknya kegagalan manusia menguruskan teknologi boleh mengakibatkan impak atau konflik negatif. Kajian telah mengintegrasikan analisis naratif, semiotik dan pendekatan pengurusan teknologi bagi menilai secara kritis bagaimana teknologi difungsikan bukan sekadar pembangunan fizikal tetapi sebagai penanda nilai, simbol kuasa dan medium kesedaran sosial dalam masyarakat.

Jadual 1. Pengintegrasian Teori

Naratif Teknologi	Analisis Semiotik Roland Barthes	Pengurusan Teknologi (Mohamad Mokhtar Abu Hassan)		Ulasan
Teknologi sebagai pencetus konflik nilai, moral dan etika yang menyorot dilema manusia dalam era moden.	Denotasi: <ul style="list-style-type: none"> • Teknologi dengan pembinaan kilang-kilang penyebab pencemaran alam. Konotasi: <ul style="list-style-type: none"> • Ketidakseimbangan hidup dalam berhadapan dengan teknologi dan kemanusiaan serta konflik identiti. • Ketegangan etika dalam penggunaan dan pelaksanaan teknologi dan kemanusiaan, keprihatinan tentang impak 	Prinsip Perancangan	Tiada penilaian dan pemantauan berkaitan teknologi dan alam sekitar	KEGAGALAN pembangunan yang menindas
		Prinsip Pengorganisasian	Kilang/teknologi tak diselaraskan	
		Prinsip Penstafan	Peranan penduduk kampung masing-masing dalam menyelesaikan konflik pencemaran dengan pihak atasan.	
		Prinsip Kepimpinan	Moral dan konflik antara industri dan masyarakat setempat. Kegagalan kepimpinan atasan atasi pencemaran.	

	terhadap kehidupan dan sistem ekologi.	Prinsip Kawalan	Pencemaran terkawal	tak	
--	--	-----------------	---------------------	-----	--

PERBINCANGAN

Dari dapatan dan analisis mengenai pengaplikasian pendekatan pengurusan dan terapan teori semiotik karya Shahnnon Ahmad, *Kemelut* telah menggambarkan kehidupan masyarakat nelayan yang telah berubah kerana teknologi yang dibawa oleh masyarakat luar tanpa kawalan. Teknologi dilambangkan dengan pembinaan kilang-kilang yang mencetuskan konflik kepada masyarakat setempat meskipun pembangunan ini mungkin berpotensi untuk membawa kemajuan dan menaikkan taraf hidup nelayan di situ. Malangnya kehadiran teknologi ini memberi kesan yang ketara dalam kehidupan masyarakat di Kampung Indah Permai.

Kehidupan di sini telah mengalami perubahan yang ketara kepada struktur sumber ekonomi yang mana mereka telah bergantung kepada hasil penangkapan ikan yang kini telah berkurang dan hasil tangkapan yang berbahaya yang boleh membawa maut. Bukan sekadar itu, novel ini juga menunjukkan mereka kurang bernasib baik atau tidak mendapat pembelaan setimpalnya daripada pihak atasan atau berkuasa yang acuh tidak acuh sahaja mendengar keluhan penduduk di sini. Malahan nilai-nilai tradisional mereka juga seumpama dirobek dan dipandang sepi apabila ada pihak yang menyuarakan mereka meninggalkan kerja nelayan dan menjadi petani. Perkara ini sangat drastik dan sukar diterima penduduk setempat dan menganggap ianya suatu cadangan yang memandang rendah masyarakat nelayan tersebut.

Jelas diterangkan dalam novel *Kemelut* tentang kesan kemasukan teknologi yang tidak diurus dan dikawal. Antara kesannya adalah;

4.1 Kesan Alam Sekitar Dan Ekosistem Dan Perubahan Lanskap Setempat

Petikan-petikan dari novel *Kemelut* di perenggan berikut dengan jelas menunjukkan kesan kepada alam sekitar dan persekitarannya.

Dua tiga buah traktor sedang melanda pokok-pokok di sekitar sambil sekaligus mengobak tanah merah. Ada sepuluh lebih traktor-traktor itu mengaum sana sini. Pokok-pokok yang terkobak diangkat tinggi dan diluakannya ke tanah paya berdekatan dengan laut. Rokiah nampak burungburung berterbangan hinggap di pokok besar seberang sana. Murai-murai yang galak berkeriau marah dan merbah jambul putih berdesing bagaikan telornya benar-benar dilenyekkan oleh roda besi yang bergerigi itu.

(Novel *Kemelut*, 1977: 24-25)

"Traktor datang sepuluh buah , kiah yang tengok dulu, Aum sana, Aum sini habis pokok-pokok tumbang"

"Kehadiran kilang-kilang di kampung kita telah memecahkan kesunyian di malam hari"

(Novel *Kemelut*, 1977: 26)

Asap-asap dari serombong hanya menerpa datang bila angin puput dari sana. Tapi asap main atas kepala. Ini asap banyak dari serombong kilang pula. Tentu dihisap habis oleh pokok kelapa. Kumbang-kumbang kelapa yang setiap hari menggetis mayang dan bunga kelapa habis mati. Asap sudah mula berkepul siang malam dari serombong-serombong yang berceretek itu. Gulung- menggulung naik ke udara sehingga kadang-kadang menunam turun ke Kampung Indah Permai bila hujan turun.

(Novel *Kemelut*, 1977: 43)

4.2 Kesan Pengurusan Pihak Atasan Yang Lemah

Shahnnon Ahmad juga menegur pihak atasan dan berkuasa dan bertanggungjawab berkaitan pembangunan di selatan kawasan Kampung Permai Indah agar lebih prihatin dan sensitif kepada keadaan pencemaran yang para nelayan di situ hadapi. Petikan dari novel *Kemelut* menunjukkan usaha yang telah dibuat namun masih belum berhasil kerana kegagalan pihak atau memberi fokus kepada masalah yang dihadapi oleh nelayan.

"Nampaknya kita tak boleh tunggu lagi", terus saja Pak Mat bersuara,"

"Dah tiga bulan, apa satu tak buat."

"Nak jumpa D.O. sekali lagi?" Soal Pak Osman.

"Dah tiga bulan kita tunggu. Sungai tambah likat. Kuala tambah likat. Ikan tak ada." Pak Isa mencelah.

"Kita kena jumpa orang atas lagi." Tobeng terus memberitahu.

"Kita cuba jumpa yang atas lagilah. Besok kita berempat kena menyeberang naik feri. Kita cuba cari jalan jumpa Ketua Menteri.

(Novel *Kemelut*, 1977: 109)

"D.O. lagi?" Soal Pak Osman.

"Tapi D.O. tak berbuat apa-apa. Dah pun masuk tiga bulan kita tunggu. Kilang bedebah itu memancut air juga ke dalam Sungai. Nak mudik sekarang pun puas dayung."

Pak Isa masih ingat suara D.O. tiga bulan dulu yang bercakap begitu senang untuk menolong penduduk Kampung Indah Permai. Dan cakap itu menamnamkan keyakinan dan harapan dalam hati setiap penduduk."

(Novel *Kemelut*, 1977: 110-111)

4.3 Kesan Kemudaratan Kesihatan

Kesan kepada kesihatan dari pencemaran kerana kegagalan memantau dan mengawal kemajuan atau teknologi juga tidak boleh dipandang remeh. Perkara ini telah dijadikan satu konflik mengenai kematian binatang dan juga manusia. Petikan dari novel *Kemelut* adalah seperti berikut;

i. Kematian Kipli

Satu hinggutan tidak ternampak pada anggota Kipli. Dan akhirnya kesayuan itu bertambah sengit bila riak wajah Kipli menandakan perjalanan nadi akan tiba pada detik akhir. Suara membaca Surah Yassin terus bertelingkah sehingga akhirnya Kipli menarik nafas yang akhir.

(Novel *Kemelut*, 1977: 115)

ii. Kematian Pokpok

Pokpok atas riba kemudian berhenti bernafas dengan mengejut. Perutnya tidak berdenyut lagi. Rokiah meraba perut itu, memicit-micitnya beberapa kali tapi denyutan sudah tidak merasa lagi. "Mak! Mak! Pokpok kita dah mati."

(Novel *Kemelut*, 1977: 84)

iii. Kematian burung pekaka

Mak Milah meletak kayu-kayu ke atas tanah dan mendekati pekaka yang sudah pun mati. "Entah. Dari jauh menjelajah, tiba-tiba di Kampung Indah Permai ini kuburnya." Balas Mak Timah. Sayangnya perasaan mengingatkan nasib burung yang amat cantik cuba mencari rezeki di pintu kuala.

(Novel *Kemelut*, 1977: 103)

4.4 Kesan Kehilangan Dan Kehakisan Identiti

Kesan ini agak mengecewakan kepada seluruh penduduk kerana mereka dalam ketakpaksaan dan dilema samada untuk menerima kehadiran kemajuan dan perubahan yang akan terjadi atau tetap mempertahankan cara hidup tradisional mereka yang telah turun temurun. Konflik ini sudah pastinya menyebabkan mereka kehilangan identiti sebagai seorang nelayan. Penduduk Kampung Permai Indah ini telah diminta untuk berpindah bagi memberi ruang kepada kemajuan ekonomi kawasan tersebut.

"ceritanya begini, Pak Mat ujar Selamat lagi, runding punya runding mereka meminta Pak Mat dan yang lain untuk berpindah"

(Novel *Kemelut*, 1977: 145)

KESIMPULAN

Analisis novel *Kemelut* dengan beradaptasi teori semiotik dan pendekatan pengurusan telah menggambarkan bahawa terdapat cabaran yang timbul daripada pengurusan teknologi. Pergolakan

berlaku di Kampung Indah Permai adalah berpunca daripada isu pencemaran yang terhasil daripada kilang-kilang pembuatan. Pembinaan kilang-kilang tersebut gagal dipantau dan dikawal maka pengusaha kilang dengan sewenang-wenangnya melepaskan sisa-sisa kilang beracun dan berbahaya tanpa sebarang rasa bersalah. Ini pastinya berakar umbi kepada kegagalan pengurusan di setiap peringkat pihak berkuasa. Malahan juga setelah dibuat aduan tiada tindakan keras dan segera dilakukan. Sepatutnya jika kemajuan yang ingin dicapai maka semua pihak harus berganding bahu dan bertanggungjawab bagi memastikan sebarang isu atau masalah bersangkutan diselesaikan dengan cara berhemah dan ianya haruslah berpaksi kepada pengurusan yang baik.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia (Prof. Dr. Azhar bin Wahid) dan pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris, khususnya Fakulti Bahasa dan Komunikasi, kerana membantu saya melaksanakan kajian ini dengan baik dan jayanya.

KEWANGAN

Tiada sebarang tajaan kewangan dalam kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS

Mohd. Taha Abd. Wahab: Konseptualisasi, pengumpulan data, penyiasatan, analisis data, penulisan draf asal, dan penyediaan manuskrip. **Azhar Wahid:** Konseptualisasi, penyeliaan, metodologi, pengesahan, pentadbiran projek, penulis koresponden, serta semakan dan penyuntingan manuskrip. **Rahmanyasin Jaafar:** Analisis formal, pengesahan, semakan kritikal kandungan intelektual, serta semakan dan penyuntingan manuskrip.

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperolehi daripada penulis atas permintaan.

PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN AI GENERATIF

Tiada teknologi AI generatif digunakan semasa proses penyediaan manuskrip ini.

KELULUSAN ETIKA

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Pusat Penyelidikan Dan Inovasi Universiti Pendidikan Sultan Idris (RMIC). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawai etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperolehi daripada semua peserta kajian.

RUJUKAN

- Aida Idris, & Nur Jannah. (2023). Penggunaan teknologi digital dalam kalangan usahawan luar bandar dalam era pandemik COVID-19. *Jurnal Pengurusan*, 67, 143–156. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2023-67-12>
- Abu Bakar Abdul Hamid. (1997). *Diskusi sastera: Kesusasteraan moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Amran. (2002, Disember 28). Pengurusan [Kertas kerja dibentangkan dalam Bengkel Pengurusan]. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Alias, A. W., & Wahid, A. B. (2025). Naratif sosioekonomi masyarakat Melayu dalam novel terpilih Keris Mas. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(2), 42–50. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/202>
- Barthes, R. (1989). *The rustle of language*. University of California Press.
- Beden, S. (2018). Perancangan bestari dalam Hikayat Khoja Maimun: Aplikasi prinsip perancangan dalam pendekatan pengurusan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 1–10. <https://jurnal.melayu.my/jurnal/index.php/JPBM/article/view/839>
- Fathin Noor Ain Ramli, Azhar Wahid, & A. Halim Ali. (2023). *Metode pengurusan sastera*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Ghazali, A. R., Ismail, M. R., & Abd Latif, K. A. (2018). Permasalahan sosial dan agama dalam novel terpilih Najib Mahfuz dan Shahnun Ahmad. Dalam *Proceedings of the 4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018* (pp. ...). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Jaafar, R., & Wahid, A. (2024). Pengurusan kepimpinan keusahawanan dalam karya terpilih Anwar Ridhwan. *Management Research Journal*, 13(2), 43–54. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol13.2.4.2024>
- Jaafar Muhamad. (1999). *Asas pengurusan*. Penerbit Fajar Bakti.
- Juhary Hj Ali, & Ishak Ismail. (2004). *Prinsip dan amalan pengurusan*. Universiti Utara Malaysia Press.
- Jafri, M. I. I. (2020). Bahasa dan pemikiran Shahnun Ahmad dalam pembinaan jati diri melalui kumpulan cerpen: Tonil Purbawara.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2023). Sejarah, Definisi, Konsep dan Prinsip Pendekatan Pengurusan. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 13(1), 1–10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.fa.1.2022>
- Mustofa, L. F. A., Suwandana, E., & Syamsun. (2017). Analisis semiotika Roland Barthes pada pemaknaan syi'ir Jawa di Desa Pungging Kabupaten Mojokerto dan nilai pendidikan karakter (Bachelor's thesis). Universitas Islam Majapahit, Mojokerto, Indonesia.
- Shahnun Ahmad. (1977). *Kemelut*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Timbang, M., & Ambotang, A. S. (2020). Pengaruh inovasi teknologi, peranan pentadbir dan kesediaan guru terhadap profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 96–106. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i2.369>
- Zainal Abidin, N. A., & Wahid, A. (2025). Pengurusan organisasi dalam karya prosa Melayu terpilih A. Samad Said: Berdasarkan teori sosiologi (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.